

Selasa, 2 Julai 2019 | 6:15pm



Dewan Rakyat lulus dua RUU

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan sebulat suara Rang Undang-Undang (RUU) Cap Dagangan 2019 dan RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2019.

Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019 diluluskan selepas dibahaskan lima jam oleh tujuh Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang, manakala RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 diluluskan tanpa sebarang perbahasan.

Dua RUU itu dibentangkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen.

RUU Cap Dagangan 2019 menggantikan Akta Cap Dagangan 1976 atau lebih dikenali sebagai Akta 175.

Berdasarkan RUU itu, skop perlindungan cap dagangan diperluaskan kepada tanda nama bukan tradisional yang menjadi keperluan kepada sektor perdagangan domestik dan luar negara.

, Chieng Jen ketika membentangkan RUU itu untuk bacaan kali kedua, berkata akta sebelum ini hanya memperuntukkan daftar nama tradisional boleh didaftarkan seperti nama, label, tanda tangan, perkataan, huruf, angka atau apa-apa gabungannya.

"Akta 175 digubal berdasarkan United Kingdom Trademark Act 1938 tetapi negara itu sudah memansuhkannya. Hasil kajian mendapati Akta 175 memerlukan pindaan secara menyeluruh.

"Malah perubahan pesat perlindungan cap perdagangan di peringkat global memerlukan Akta 175 ini dikaji semula selaras dengan keperluan semasa dan memenuhi kehendak komuniti berkaitan dengan menambah jenis cap dagangan bukan tradisional," katanya.

RUU itu juga membolehkan harta intelek digunakan sebagai instrumen kewangan, selain menambah baik prosiding tindakan sivil dan jenayah serta penguatkuasaan yang lebih efektif dengan mewujudkan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 pula bertujuan meminda Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730).

